

## Majikan mula kurang buang pekerja

*Ahmad Suhael Adnan*

Oktober 21, 2021 @ 3:04pm



- Hiasan. FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Sektor pekerjaan negara menunjukkan perkembangan positif apabila bilangan syarikat yang mengurangkan jumlah pekerja, menunjukkan penurunan sejajar pemulihan ekonomi negara.

Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Mohd Syukri Ahmad Sudari berkata, hasil tinjauan dalam kalangan ahlinya mendapati sekitar tujuh peratus berhasrat mengurangkan pekerja masing-masing dalam tempoh enam bulan akan datang.

Katanya, kira-kira 62 peratus daripada ahli MEF bercadang mengekalkan jumlah pekerja sedia ada dalam tempoh enam bulan akan datang, manakala sekitar 31 peratus lagi bercadang menambah pekerja baharu dalam tempoh sama.

"MEF menjangkakan peluang pekerjaan akan meningkat dengan mendadak selepas ekonomi negara kembali pulih tidak lama lagi.

"Namun, kita perlukan kerjasama yang kukuh antara kerajaan dan swasta bagi memastikan proses perubahan yang mampan, khususnya dalam memastikan kita tidak ketinggalan dengan perkembangan dan kemajuan teknologi yang pantas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang maya bertajuk 'Adakah Wujud Krisis Pekerjaan di Malaysia' dalam Forum CEO 2021 anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd Syukri berkata, sepanjang kira-kira 21 bulan negara dilanda pandemik, industri pekerjaan berkaitan pekerjaan yang kotor, sukar dan bahaya (3D) antara yang terkesan akibat kekurangan pekerja yang kritikal.

Katanya, antara yang terjejas adalah perladangan sawit yang menyaksikan industri itu kekurangan kira-kira 60,000 pekerja, menyebabkan kerugian lebih RM10 bilion tahun lalu akibat buah sawit yang tidak dapat dipungut.

"Kilang sarung tangan getah kekurangan 20,000 pekerja, restoran kekurangan 45,000 pekerja, perkhidmatan pembersihan pula perlukan sekitar 58,000 pekerja.

"Beberapa sektor lain seperti perkilangan secara keseluruhan serta pembantu rumah memerlukan antara 200,000 hingga 300,000 pekerja.

"Namun, kami positif lebih banyak pekerjaan akan tercipta, dengan pandemik mempercepatkan proses pendigitalan yang membolehkan majikan meningkatkan prestasi dan produktiviti," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen (PENIAGAWATI), Datuk Azlin Ahmad Shaharbi, berkata kerajaan perlu memberi tumpuan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khususnya dalam Belanjawan 2022.

Katanya, langkah terbaik adalah dengan memperkenalkan inisiatif bersasar bergantung kepada keperluan setiap PKS.

"Angka terbaru menunjukkan Malaysia ada 1.2 juta PKS, dengan 80 peratus daripadanya adalah perusahaan mikro, namun dalam tempoh pandemik, separuh atau kira-kira 600,000 PKS terpaksa ditutup.

"Ertinya, kita sekarang ada 600,000 individu hilang pekerjaan. Ini hanya mengambil kira pemilik SME, tidak termasuk jumlah pekerja yang mereka upah yang menyaksikan SME memiliki kira-kira tujuh juta pekerja," katanya.

"Isu ini perlu diketengah jika berbicara soal krisis pekerjaan. Inisiatif bersasar diperlukan daripada pekerjaan, sama ada membantu mereka memulakan kembali perniagaan, atau inisiatif memulihkan PKS yang berdepan isu aliran tunai," katanya.

Katanya, kerajaan perlu mengkaji kaedah untuk membawa kembali wanita ke alam pekerjaan, selepas kebanyakan golongan itu terpaksa kembali melakukan kerja rumah dalam tempoh pandemik.

"Wanita merangkumi kira-kira separuh populasi negara, dan 60 peratus pelajar universiti adalah wanita, bererti ramai golongan ini yang berpendidikan dan berkelayakan.

"Namun, dalam sektor pekerjaan, wanita hanya merangkumi 55 peratus berbanding 88 peratus golongan lelaki. Ertinya, ramai wanita berkelayakan tidak terbabit dalam menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.

Katanya, golongan wanita juga antara yang teruk terkesan dalam tempoh pandemik apabila kehilangan pekerjaan dan terpaksa menjadi suri rumah sejak 21 bulan yang lalu.

"Ramai wanita terpaksa menjalankan kerja rumah seperti menjaga anak dalam tempoh pandemik. Maka, perlu difikirkan kaedah untuk kembali membawa mereka ke alam pekerjaan," katanya.